

Rangka manusia perlu diurus sekiranya Islam

BATU PAHAT - Rangka manusia yang ditemui di rumah terbiar di Lorong Imam Jailani, Kampung Batu 7, Tongkang Pecah, di sini, perlu diuruskan seperti kebiasaan sekiranya didapati ia milik individu beragama Islam.

Exco Hal Ehwal Agama Islam Johor, Mohd Fared Mohd Khalid berkata, rangka tersebut perlu diurus dan dikebumikan sehingga setakat mana ditemui serta boleh disatukan walaupun tidak lengkap.

Jelasnya, penyempurnaan sama se-

perti jenazah yang lengkap dan perlu dimandikan sebelum dikebumikan.

"Kita sedia maklum berkenaan penemuan rangka manusia di Tongkang Pechah, baru-baru ini dan perlu disempernakan sebetulnya," katanya selepas Majlis Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Perbadanan Islam Johor (PIJ) di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM pada Isnin.

Terdahulu, penemuan rangka itu dipercayai mempunyai kaitan dengan kehilangan Bella atau Mira Sharmila Samsusah, 36, pada 14 Disember tahun lalu.

Dalam pada itu, Mohd Fared berkata, UTHM dan PIJ akan bekerjasama dalam beberapa bidang antaranya kemanusiaan dan sains sosial, penerbitan, perundingan, latihan dan pembangunan kerjaya, khidmat sosial serta usaha sama dan perkongsian program pemacuan sosio ekonomi negeri.